

KENYATAAN TAWARAN



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA: QT250000000035944

PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PAPAN PEMUKA ANALITIK PERPADUAN BAGI TEMPOH 24 BULAN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Senarai Kod Bidang Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang** yang masih sah dan berkuatkuasa seperti berikut:

210103 (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packagesincluding maintenance); dan

210104 (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Software/ System Development/ Customization and maintenance Including Data entry, data processing; dan

210107 (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ ICT Security and Firewall, Encrytion, PKI, Anti Virus; dan

210108 (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/ Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Multimedia-products, services and maintenance (video conferencing, web cast, Graphic design, animation)

2. Butiran Sebut Harga adalah seperti berikut:

Bil.	Kod Sebut Harga	Nama Zon	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Iklan/Tutup
1.	QT250000000035944	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	3 Disember 2025 (Rabu) 9.30 pagi Dewan Perpaduan Aras 10, JPNIN	29 November 2025 (Sabtu) Mulai 12.00 tengahari 10 Disember 2025 (Rabu) Tutup 12.00 tengahari Melalui sistem ePerolehan

3. Sebut Harga dilaksanakan menerusi sistem ePerolehan sepenuhnya dan boleh diakses di halaman portal rasmi ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my>). Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan sistem ePerolehan (eP enabled). Tawaran Kewangan dan Teknikal hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup Sebut Harga.

4. Setiap Penyebutharga yang hendak memasuki sebut harga **perlu menyemak jemputan ke Taklimat Sebut Harga melalui sistem ePerolehan dan DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT SEBUT HARGA**. Selaras dengan arahan Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan: PK 2.1, Penyebutharga yang menghadiri taklimat **MESTILAH penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Kod Bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama tersebut**.
5. **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.**
6. Tawaran sebut harga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
 - a. Penyebutharga **GAGAL** menghadiri **taklimat sebut harga**;
 - b. Penyebutharga **GAGAL** memuat naik **dokumen wajib dengan lengkap** ke dalam sistem ePerolehan;
 - c. Penyebutharga **menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuatnaik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran** yang dikemukakan secara atas talian; atau
 - d. Penyebutharga **LEWAT** menyerahkan tawaran sebut harga dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan.
7. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.